



CWA: Lebih ramai pengguna

KUALA LUMPUR 29 April – Penyedia perkhidmatan pengu- rusan dan kewangan, CIMB Wealth Advisor (CWA), menya- sarkan sehingga 4,000 pengguna baharu daripada kerjasama stra- tegiknya dengan As-Salihin Trust- tee Bhd.

Ketua Pegawai Eksekutif Tan Beng Wah berkata, kerjasama de- ngan syarikat amanah peranca- ngan harta Islam itu akan mem- bolehkan CWA menawarkan ke- dua-dua perkhidmatan konven- sional dan perancangan harta Is- lam.

Kerjasama MAAKL, Celcom

KUALA LUMPUR 29 April – MAAKL Mutual dan Celcom Axiata Bhd. melancarkan telefon bimbit Blackberry versi MHO yang membolehkan penasihat unit amanah dan pelanggan MA- AKL meneliti prestasi unit ama- nah melalui telefon berkenaan di mana sahaja.

Ketua Pegawai Eksekutif MA- AKL, Wong Boon Choy berkata, Celcom menjadi pilihan kerana syarikat memiliki pengguna Bla- ckberry teramai dan percaya ba- kal mendapat manfaat besaer da- ripada usaha berkenaan.

One South jadi penyumbang utama

KUALA LUMPUR 29 April – Pemaju hartanah, Hua Yang Bhd. menetapkan sasaran ju- alan sebanyak RM300 juta un- tuk tahun kewangan berakhir

31 Mac 2011 dengan One South di Sungai Besi menjadi pemacu utama perolehan.

Dengan nilai pembangunan kasar sebanyak RM750 juta, One South menyumbang seba- hagian besar daripada RM1 bi- lion nilai projek yang akan di- laksanakan oleh kumpulan itu tahun ini, kata Ketua Pegawai Operasinya Ho Wen Yan.

“Daripada RM300 juta ju- alan, One South akan menyum- bang RM100 juta,” katanya pada taklimat media mengenai projek terbesar kumpulan itu di Lembah Klang, di sini hari ini.

Tan Liling sertai Prudential

KUALA LUMPUR 29 April – Pru- dential Assurance Malaysia Bhd. (PAMB) melantik Tan Liling se- bagai Ketua Pegawai Operasinya yang baru. Tan Liling mengambil alih daripada Jeffrey Yem yang baru-baru ini menerima peranan baru sebagai Ketua Pegawai Tek- nologi.

Liling yang melapor kepada Ketua Pegawai Eksekutif bertang- gungjawab untuk menguruskan operasi Syarikat secara keseluru- han termasuk rangkaian 41 ca- wangannya di seluruh negara.

Beliau akan fokus terhadap pe- ningkatan pengalaman pelang- gan melalui semua rangkaian perkhidmatan pelanggan Pru- dential selain memacu peruba- han dan kecekapan operasi me- lalui peningkatan proses dan sis- tem.



tra

*

ORANG ramai mencuba MPV baru Chery Easter 2.0L selepas majlis pelancarannya di Kuala Lumpur, semalam.